



## LEBIH 1,500 SAMBUT KETIBAAN TIMBALAN PM DI MELAKA

■ **TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersalaman dengan seorang penduduk Melaka yang menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Batu Berendam, pagi semalam.

Di belakang beliau ialah Ketua Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Adam.

Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datu Seri Dr. Siti Hasimah disambut oleh lebih 1,500 orang termasuk pembesar negeri, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan ahli-ahli kompenan Barisan Nasional.

Sebelum tengaharinya, beliau menunaikan fardu Jumaat di Masjid Tengkeru sebelum melakukan kunjungan hormat ke atas Yang Dipertua Negeri, Tun Haji Syed Zahiruddin Syed Hassan. — Gambar Berita Harian.

# 'Pertumbuhan ekonomi negara melebihi Jepun'

MELAKA, Jumaat.—Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia kini berada di satu peringkat di mana ia boleh mencapai kemajuan yang luar biasa berasaskan kedudukan kewangannya yang kukuh.

Timbalan Perdana Menteri berkata, negara ini sekarang berkemampuan melaksanakan sebarang projek yang difikirkan perlu kerana mempunyai wang yang mencukupi.

"Kadar pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1978 ialah lapan peratus berbanding hanya lima peratus yang dicapai oleh negara Jepun — satu-satunya negara yang dianggap paling maju di rantau ini,"katanya lagi.

Beliau memberitahu demikian selepas mendengar taklimat mengenai berbagai aspek pembangunan di Negeri Melaka, sempena lawatan rasminya selama dua hari ke negeri itu mulai hari ini.

Majlis taklimat itu disampaikan oleh Ketua Menteri, Encik Mohamed Adib Haji

Oleh  
**HALIM MAJID**

Adam, Setiausaha Kerajaan Negeri, Haji Zainal Abidin, Datuk Haji Nordin dan Pegawai Kemaajuan Negeri, Encik Fauzi Abdul Rahman.

Timbalan Perdana Menteri selanjutnya mengingatkan pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli politik supaya bekerjasama membangunkan negeri ini.

## Dipesatkan

"Setiap pegawai Kerajaan dan ahli politik mestilah sedar tanggung jawab masing-masing terhadap pembangunan negara,"tambah beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, negara kita mempunyai kuasa dan tenaga untuk digunakan dengan lebih banyak bagi memesatkan bidang perusahaan dan perindustrian.

"Usaha membangunkan negara ini boleh dipesatkan lagi dengan adanya kerjasama di kalangan para pegawai Kerajaan dan

ahli-ahli politik,"jelasnya.

Beliau memberitahu, usaha-usaha telah dan sedang dibuat untuk memajukan kehidupan peniaga-peniaga kecil terutama golongan Bumiputera.

"Dalam Rancangan Malaysia Ketiga saja, Kerajaan telah memperuntukkan \$30 juta bagi menolong para peniaga kecil dan peruntukan ini akan terus di beri di masa-masa akan datang,"tegasnya lagi.

Mengenai kemajuan di Negeri Melaka pula, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau mendapati banyak kawasan tanah terbiar yang perlu dimajukan untuk membantu golongan petani.

Katanya, kemudahan punca air di Melaka juga tidak banyak. "Langkah-langkah tegas harus dibuat bagi menambahkan punca air di negara ini,"katanya lagi.

Beliau berkata, usaha seumpama itu sedang dijalankan di Kedah di mana air boleh didapati antara 200 hingga 300 kaki di bawah tanah.